



FATHIN FAQIHAH

## Emas Fathin lepasi sasaran UMS

UB 10.2.2018 A12

KOTA KINABALU: Fathin Faqihah Mohd Yusuf menghadiahkan emas ketiga buat Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari terakhir Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada Jumaat.

Pingat emas itu dimenangi Fathin dalam acara 200m wanita dengan catatan 25.76s mengalahkan atlet Universiti Suratthani Rajabhat Thailand, Montita Sombotchai (25.94s)

ditangga kedua dan atlet Help University, Tanalaksiumy Mahenthiran Rayer (26.02s) di tangga ketiga.

“Kami semua rasa bangga dan puas hati dengan keinginannya membuktikan bahawa dia juga puteri emas UMS. Lebih membanggakan di mengalahkan atlet dari Thailand,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi.

Kemenangan itu menebus kekecewaan Fathin memburu sasaran emas dalam acara 400m pada Khamis apabila sekadar menduduki tempat keempat sekaligus menyaksikan pencapaian keseluruhan UMS melebihi sasaran.

Keseluruhannya, UMS meraih tiga pingat emas, lima perak dan dua gangsa berbanding sasaran hanya dua emas, dua perak dan dua gangsa.

“Pencapaian melebihi sasaran ini tentunya membanggakan. Tambahan pula UMS hanya menghantar 18 atlet pada sukan

ini,” kata Asyraaf.

Kontinen kecil UMS itu hanya mengambil bahagian dalam enam daripada 27 jenis sukan yang dipertandingkan iaitu taekwondo, silat, karate, olahraga, tenpin boling dan petanque.

Selain Fathin, pingat emas juga dimenangi Christina Ideris (karate) dan gandingan Ahmady Radi dan Nur Ifa Husna Saiful (taekwondo) poomsae campuran.

Skuad taekwondo turut menang tiga perak dan satu gangsa manakala satu gangsa lagi dari dari JI Fedalliah Jaimin acara merejam lembing wanita.

“Tahniah dan terima kasih kepada mahasiswa UMS yang telah berkorban masa dan tenaga mereka untuk kejohanan ini termasuk mengorbankan cuti semester ketika ini serta berlatih ketika musim peperiksaan Januari lalu.

“Mereka ini luar biasa kerana perlu menumpukan kepada akademik dan sukan pada masa yang sama. Dengan pencapaian membanggakan ini, kami akan memikirkan insentif kepada pemenang-pemenang terutama pemenang emas selain dari pada insentif sedia ada yang telah diberikan,” kata Asyraaf.

Beliau berterima kasih kepada Naib Canselor, Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin dan pengurusan UMS yang sentiasa menyokong dan menggalakkan program sukan bagi meningkatkan tahap sukan di UMS.

- Oleh VITALIS G. BINGKASAN